

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OGOS 2023

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.08.2023	'Sistem Perolehan Pertahanan Perlu Telus'	2
2.	05.08.2023	Peruntukan RM70.5 Bilion Perkasa Semula Pendidikan Negara	3
3.	12.08.2023	Bayaran Skim Subsidi Harga Padi Terus Ke Akaun Pesawah	4
4.	17.08.2023	PAC Dedah Nama Bekas KSU Tidak Mahu Kerjasama	5
5.	17.08.2023	PAC Akan Dedah Nama Bekas KSU Kementerian Yang Tak Hadir Prosiding	
6.	17.08.2023	Empat Syor Dikemuka Tambah Baik Parlimen	6
7.	17.08.2023	PAC Wajar Ambil Tindakan lebih Tegas	7
8.	18.08.2023	'Enggan Hadir Prosiding PAC Suatu Kesalahan'	8
9.	19.08.2023	PAC Sedia Guna Akta 347 Kepada Individu Gagal Hadir Prosiding	9
10.	21.08.2023	Fasa 1 Pan Borneo Sabah Dijangka Siap Januari 2025	10
11.	22.08.2023	Pegawai Tadbir, Isteri Ditahan Salah Guna Kuasa	11

1 OGOS 2023 | SELASA | MUKA SURAT: 3

BH Selasa, 1 Ogos 2023

Nasional

3

'Sistem perolehan pertahanan perlu telus'

Perdana Menteri mahu sistem dirombak elak campur tangan pihak luar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem pemerolehan aset pertahanan negara perlu dirombak bagi memastikan proses itu dilaksanakan secara lebih telus, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata sis-

tem pemerolehan aset pertahanan negara tidak lagi boleh diuruskan oleh pihak luar, sebaliknya diputuskan sendiri oleh tentera.

"Mengapa saya pilih sebut perkara ini kepada saudara sekalian kerana bagi veteran, bagi pasukan tentera dan tentunya bagi kita semua rakyat, kesiapsiagaan negara dalam bidang pertahanan itu adalah urusan yang penting.

"Jadi, kita anjurkan (saranan) kepada pimpinan tentera bahawa sistem perolehan mesti dirombak, tidak boleh lagi campur tangan daripada pihak luar.

"Ketua Turus (Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dipertanggungjawabkan pilih yang terbaik. Kapal perang, pesawat, tank dan kelengkapan lain mesti yang terbaik. Tak perlu lagi mengu-



Mohamad sambil disaksikan Anwar menyampaikan Sumbangan Bakul Rahmah kepada wakil Persatuan Veteran ATM Kuala Lumpur dan Selangor pada Program Pemerkasaan Usahawan Veteran ATM di Wisma Perwira, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

langi kerendah terdahulu, merompak melalui komisen," katanya ketika berucap pada Program Pemerkasaan Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Timbalannya, Adly Zahari dan Panglima ATM, Tan Sri Affendi Buang.

Anwar berkata, soal pertahanan negara, kesiapsiagaan dan kelengkapan pertahanan seharusnya selaras, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan kedudukan geopolitik serta strategik negara.

Katanya, usaha ini memerlukan

satu tekad politik yang jelas serta tidak popular, selain boleh mengundang banyak musuh bukan di luar negara, tetapi dalam negara sendiri, terutama kelompok yang biasa dengan budaya korup dan penyelewengan.

Peranan veteran tentera

"Mohon veteran tentera dukung hasrat kerajaan ini. Saya tidak mahu nafikan usaha lalu, tetapi saudara juga tahu, masalah ini selalu dibicarakan.

"Saya juga bertemu banyak persatuan, menemui beberapa dalam kalangan mereka yang membangkitkan hal ini, mengapa masalah ini tak boleh (diselesaikan). Kalau tak sepenuhnya, sebahagiannya mesti diselesai-

kan," katanya.

Sebelum ini, Persatuan Pegawai-pegawai Bersara Angkatan Tentera (RAFOC) yang menggesa rombakan itu dibuat, menyifatkan usaha Kementerian Pertahanan menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan bagi mencegah dan mengelak penyelewengan dalam pemerolehan aset bawah kementerian itu, adalah baik tetapi ia belum mencukupi.

Presiden RAFOC, Leftenan Jeneral (B) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim, dilaporkan berkata proses sedia ada yang perlu dirombak itu perlu berpandukan beberapa perkara, termasuk teguran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

5 OGOS 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 9

BH Sabtu, 5 Ogos 2023

Nasional

Peruntukan RM70.5 bilion perkasa semula pendidikan negara

Dana bolehkan kerajaan atasi segera isu sekolah daif, tambah baik infrastruktur

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peruntukan sebanyak RM55.2 bilion dan RM15.3 bilion dalam Belanjawan 2023 masing-masing bagi sektor pendidikan dan pendidikan tinggi, menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam membantu memulihkan kembali sektor pendidikan negara selepas dua tahun pandemik COVID-19.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Keperibadian Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Anuar Ahmad, berkata menerusi peruntukan yang diberikan, pelbagai langkah dan usaha ke arah itu dapat dilihat dan sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan (KPM).

Antaranya, memastikan isu sekolah daif dan kekurangan kemudahan infrastruktur di sekolah diselesaikan dengan segera. "Selepas lebih enam bulan Belanjawan 2023 dibentangkan, banyak perkara menarik sedang berlaku dalam sektor pendidikan yang mana dana diterima digunakan menjurus kepada usaha memulihkan kembali sektor pendidikan selepas dua tahun negara berhadapan dengan pandemik.

"Kebanyakan peruntukan itu disalurkan untuk aktiviti pemulihan seperti memastikan isu sekolah daif dapat diselesaikan secepat mungkin, selain kemudahan infrastruktur di sekolah ditambah baik serta dinaik taraf. Ini fokus utama bagi peruntukan kali ini.

"Jika isu membabitkan sekolah daif dan infrastruktur yang kurang memuaskan tidak diselesaikan secepat mungkin, ia pasti akan mengganggu serta menghalang pembelajaran pelajar serta usaha guru untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berjalan dengan baik," katanya kepada BH.

Beliau berkata, selain itu juga dapat dilihat berlaku peningkatan penyediaan bantuan pendidikan kepada anak-anak, khususnya bagi mereka yang kurang berkemampuan serta miskin.

"Kita dapat lihat kadar untuk makanan bermasak program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) juga dinaikkan daripada



Peruntukan Belanjawan 2023 membantu KPM menyelesaikan isu sekolah daif dengan segera. (Foto hiasan)



Pembaikan infrastruktur membantu guru dan murid belajar dalam suasana selesa dan kondusif. (Foto hiasan)

RM2.50 kepada RM3.50 bagi Semenanjung dan daripada RM3 kepada RM4 di Sabah dan Sarawak.

"Begitu juga bantuan awal persekolahan turut dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata, meskipun peruntukan keseluruhannya tidak begitu besar kerana turut membabitkan pengajian guru, ia penting untuk memastikan sis-

tem pendidikan pulih dan pembelajaran anak berjalan lancar.

"Guru juga mendapat kemudahan untuk meneruskan PdP dengan lebih berkesan serta dapat memastikan kumpulan miskin, iaitu anak daripada golongan tidak berkemampuan boleh meneruskan pendidikan mereka dengan bantuan yang diberikan kerajaan.

"Peruntukan ini memadamkan keadaan sekarang kerana ekonomi yang mencabar, manakala pendapatan kerajaan juga tidak begitu berganda, selain kita juga perlu menyelesaikan hutang negara yang ada.

"Justeru, peruntukan diberikan untuk sektor pendidikan adalah satu jumlah yang munasabah untuk menguruskan sistem pendidikan kita pada masa kini," katanya.

Beliau berkata, menerusi manfaat ini, ia dapat memastikan kualiti pendidikan negara dipertingkatkan.

Beliau berharap, agar peruntukan seumpama itu dikekalkan untuk sektor pendidikan bagi Belanjawan 2024 dan seterusnya untuk tujuan pembangunan serta

memastikan pendigitalan pendidikan dapat dilaksanakan dan akan menjadi teras kepada kemajuan pendidikan pasca 2025.

"Kita harapkan kerajaan akan bersedia untuk melabur dengan jumlah peruntukan yang lebih besar pada tahun seterusnya bagi memastikan sektor pendidikan ini berkembang dengan baik kerana sistem pendidikan berkualiti akan menghasilkan pelajar berkualiti," katanya.

Tambah beliau, jika dilihat dalam aspek pelaburan pendidikan, data atau kajian lepas menunjukkan, semakin banyak kerajaan melabur dalam sektor pendidikan sejak pada peringkat sekolah rendah, impact hasil akan terus berkembang.

Tingkat aksesibiliti pendidikan

Sementara itu, Pengarah Pembangunan Akademik Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Suriyani Ariffin, berkata pada peringkat lebih tinggi, Belanjawan 2023 memberi peluang meningkatkan aksesibiliti dalam pendidikan sepanjang hayat pelajar, terutama dari segi sara hidup bagi kelompok masyarakat yang kurang berkemampuan.

Katanya, bajet yang cukup untuk pendidikan dapat mendukung penelitian dan pengembangan di institusi pendidikan tinggi.

"Ini menciptakan persekitaran yang kondusif bagi pengembangan teknologi dan inovasi terutama dalam pendidikan abad ke-21 yang mana ia dapat meningkatkan inovasi dan pengembangan teknologi negara.

"Ini akan meningkatkan daya saing negara di pasaran global. Tenaga kerja yang terampil dan berpendidikan tinggi akan memiliki lebih banyak peluang dalam mencari pekerjaan yang berkualiti," katanya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai inisiatif di bawah Belanjawan 2023 yang boleh dimanfaatkan rakyat, orang ramai boleh layari <https://belanjawan.mof.gov.my/manfaat>.

Peruntukan diberikan untuk sektor pendidikan satu jumlah yang munasabah untuk menguruskan sistem pendidikan kita

Anuar Ahmad,
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Keperibadian
Pendidikan UKM



Bajet yang cukup untuk pendidikan dapat mendukung penelitian dan pengembangan di institusi pendidikan tinggi

Suriyani Ariffin,
Pengarah Pembangunan Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa), UiTM



12 OGOS 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 15

BH Sabtu, 12 Ogos 2023

Nasional

Bayaran Skim Subsidi Harga Padi terus ke akaun pesawah

Jawatankuasa khas peringkat ibu pejabat KPB, negeri ditubuh elak ketirisan

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dibuat secara terus oleh agensi Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) melalui akaun bank pesawah berdaftar tanpa membabitkan pihak ketiga.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP) dalam kenyataan berkata, BERNAS adalah agensi pembayar mewakili kerajaan dalam pengurusan penyaluran subsidi SSHP menerusi Sistem Domestic Operation Application

Subsidi padi kini RM500 satu tan



Keratan akhbar BH Rabu lalu.

(DOA) yang tidak boleh dimanipulasi mana-mana pihak.

Katanya, pemantauan penyaluran subsidi dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa Induk Pemantauan SSHP pada peringkat ibu pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Putrajaya yang dipengerusikan Ketua Pengarah KPB, manakala Jawatankuasa Pelaksana pada peringkat negeri dipengerusikan Pengarah KPB negeri.

"Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memantau dan menilai pelaksanaan SSHP bagi memastikan pembayaran dilaksanakan secara teratur dan mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi

mengelak berlakunya ketirisan subsidi terbabit.

"Pegawai subsidi BERNAS juga ditempatkan di semua kilang padi BERNAS dan swasta bagi memantau secara fizikal pengesahan pembelian padi," katanya.

Sebelum ini, BH melaporkan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar SSHP daripada RM360 kepada RM500 bagi setiap tan berkuat kuasa Rabu lalu.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Majlis Sentuhan Agromadani Peringkat Negeri Perak di Dewan Kerian Lermai, Selasa lalu.

Tiada aduan manipulasi

BPIP berkata, pemantauan dan penguatkuasaan dibuat terhadap pemeriksaan alat timbangan di kilang dan pusat belian padi mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 melalui kolaborasi strategik KPB bersama Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Katanya, pembayaran SSHP dibuat selepas mengambil kira berat bersih padi selepas pemutuan sebenar padi dilakukan.

Pelaksanaan SSHP baharu sudah dikemas kini mulai jam 12 tengah malam Rabu lalu.

Sementara itu, BPIP berkata, pihaknya belum menerima apa-apa aduan membabitkan pembayaran SSHP dimanipulasi oleh mana-mana pihak sejak ia diperkenalkan.

"Sejak SSHP diperkenalkan kerajaan, tiada aduan atau isu membabitkan pembayaran SSHP dimanipulasi oleh mana-mana pihak, bagaimanapun Kementerian sentiasa memandang serius pembayaran subsidi supaya kepentingan pesawah dipelihara, seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan dalam menaik taraf sosioekonomi pesawah dan menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat.

"Jika berlaku penipuan, pihak pesawah perlu melapor secara rasmi kepada KPB atau penguat kuasa KPDN di seluruh negara," katanya.

17 OGOS 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 1 & 3

PAC dedah nama bekas KSU tidak mahu kerjasama

Semua bekas pegawai pengawal dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian perlu hadir ke prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi menjawab isu yang timbul ketika mereka menerajui sesebuah kementerian, jabatan atau agensi kerajaan. Jika enggan, PAC memberi amaran akan mendedahkan nama mereka, termasuk saksi supaya rakyat tahu isu yang disiasat jawatankuasa itu tidak mendapat kerjasama daripada individu terbabit.

→ Nasional 3

PAC akan dedah nama bekas KSU kementerian tak hadir prosiding

Langkah pastikan jawatankuasa dapat jalankan siasatan menyeluruh

Kuala Lumpur: Semua bekas pegawai pengawal dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian perlu hadir ke prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi menjawab isu yang timbul semasa mereka menerajui sesebuah kementerian, jabatan atau agensi kerajaan.

PAC memberi amaran akan mendedahkan kepada umum nama saksi yang enggan hadir dalam prosidingnya supaya rakyat tahu isu yang disiasat oleh jawa-

tankuasa itu tidak mendapat kerjasama daripada individu terbabit.

Pada masa sama, PAC juga menuntut Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengambil maklum sekiranya ada bekas pegawai pengawal dan KSU yang enggan hadir prosiding jawatankuasa ini.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, berkata ia bagi memastikan jawatankuasa itu dapat menjalankan siasatan yang menyeluruh kerana ketidakhadiran bekas pegawai pengawal dan KSU akan menyebabkan laporan PAC tidak komprehensif.

"Kita mengambil maklum bahawa tempoh perkhidmatan pegawai pengawal dan KSU yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) biasanya melangkaui tempoh perkhidmatan mereka, hingga menyebabkan

mereka gagal memberikan penjelasan terhadap isu-isu dibangkitkan kerana ia berlaku bukan pada tempoh perkhidmatan mereka.

"Justeru, adalah amat penting untuk semua pegawai pengawal dan KSU bertanggungjawab terhadap PAC seperti termaktub dalam Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) dan hadir apabila dipanggil oleh jawatankuasa untuk menghadiri prosiding ini."

katanya dalam kenyataan semalam.

Langgar peraturan

Beliau menegaskan keengganan bekas pegawai pengawal dan KSU hadir ke prosiding PAC adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 9 (a) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347).

"Selain menyiarkan kepada

umum nama saksi yang enggan hadir, PAC juga mahu satu mekanisme diwujudkan kerajaan supaya semua bekas pegawai pengawal dan KSU yang dipanggil, menghadirkan diri ke prosiding PAC," katanya.

Mas Ermeyati berkata, adalah penting untuk PAC menyediakan laporan komprehensif dan telus dengan mengambil kira keterangan dan penjelasan semua pihak berkepentingan dalam isu yang disiasat supaya laporan itu benar-benar seimbang demi kepentingan semua pihak.

Katanya, laporan PAC yang komprehensif dan telus juga adalah selaras dengan kehendak Ahli Parlimen ketika perbahasan berkenaan LKAN di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mahukan supaya PAC menyiasat dengan lebih terperinci isu yang dibangkitkan dalam laporan itu.

BERNAMA

“Adalah amat penting untuk semua pegawai pengawal dan KSU bertanggungjawab terhadap PAC seperti termaktub dalam Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)”

Mas Ermeyati Samsudin,
Pengerusi PAC



17 OGOS 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 3

Empat syor dikemukakan tambah baik Parlimen

Kuala Lumpur: Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar membincangkan empat perkara bagi penambahbaikan Parlimen ketika menerima kunjungan hormat Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang baru dilantik, Datuk Muhamad Zamani Mohd Ali semalam.

Dalam pertemuan itu Wan Junaidi berkata, empat perkara yang dibincangkan adalah pelaksanaan komprehensif Akta Perkhidmatan Parlimen yang sedang dirancang dan mempunyai ciri khusus berhubung dengan kebebasan Parlimen di dalam pengurusan institusi itu termasuk

pengurusan kewangan, sumber manusia, pelantikan sumber manusia dan belanjawan.

Beliau berkata, perbincangan itu turut membabitkan pindaan kepada Akta 347 Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 bagi menambah baik selaras dengan perkembangan semasa di dalam negara.

"Selain itu turut dikemukakan berkaitan pindaan kepada Peraturan Majlis Dewan Negara dan



Wan Junaidi

Majlis Dewan Rakyat.

"Saya turut menekankan kepentingan sokongan dan kerjasama dan kesediaan pengurusan dan keseluruhan warga kerja Parlimen dalam merealisasikan rancangan reformasi pentadbiran di Parlimen Malaysia dalam masa yang terdekat," katanya dalam kenya-

taan, semalam.

Sebelum ini, Wan Junaidi dilaporkan berharap pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim dapat meneruskan segala perancangan untuk transformasi dan memodenkan Parlimen supaya ia menjadi institusi yang lebih jelas dan tersendiri.

Beliau berkata, pelbagai usaha sudah dirancang termasuk draf undang-undang yang bolehkan diteruskan oleh Perdana Menteri, iaitu berkaitan Akta Pentadbiran Parlimen dan (yang kedua) memperkenalkan undang-un-

dang baharu berhubung hak serta keistimewaan Parlimen bagi menggantikan Akta Kuasa dan Keistimewaan Parlimen 1952 atau membawa pindaan yang sesuai untuk undang-undang tersebut.

"Ketiga pula ialah mewujudkan garis panduan etika, ini pun sudah ada draf yang saya buat pada 2011 dan ia boleh dikemas kini untuk mengisi keperluan semasa," katanya.

Ibadat & Fadilat

Zubair RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa ingin buku catatan amalannya akan menggembirkannya (kiamat nanti), maka hendaklah dia sentiasa memperbanyakkan istighfar."

(HR Tabarani)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:03	1:25	4:39	7:34	8:45
Alor Setar	6:03	1:25	4:39	7:33	8:45
P. Pinang	6:03	1:23	4:37	7:30	8:41
Ipoh	6:02	1:24	4:42	7:32	8:44
Kuala Lumpur	6:01	1:20	4:36	7:26	8:37
Shah Alam	6:01	1:20	4:36	7:26	8:37
Johor Bahru	5:55	1:12	4:29	7:16	8:26
Kuantan	5:56	1:15	4:31	7:20	8:31
Seremban	6:01	1:19	4:35	7:24	8:35
Bandar Melaka	6:00	1:18	4:35	7:22	8:33
Kota Bharu	5:56	1:18	4:32	7:26	8:33
K. Terengganu	5:53	1:14	4:28	7:21	8:33
Kota Kinabalu	5:02	12:24	3:38	6:31	7:42
Kuching	5:30	12:47	4:04	6:51	8:02



17 OGOS 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 5

PAC wajar ambil tindakan lebih tegas

Putrajaya: Mana-mana pegawai kerajaan atau pesara yang enggan menghadiri serta tidak bercakap benar dan gagal memberi kerjasama dalam prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), perlu dikenakan tindakan tatatertib lebih tegas.

Bekas Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata ia kerana mereka tertakluk kepada Seksyen 9 (a) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347).

“Saya menyokong mereka yang enggan hadir prosiding PAC didedahkan nama mereka kepada umum supaya ia menjadi

pengajaran kepada orang lain untuk tidak mengambil ringan hal ini.

“Setakat saya menjadi pengerusi dahulu, kita memang memberi peringatan kepada pegawai berkenaan, jika mereka tidak datang atau tidak bercakap benar, itu adalah kesalahan besar dan akhirnya mereka hadir,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, berkata jawatankuasa itu akan menyiarkan kepada umum nama saksi yang enggan hadir dalam prosidingnya supaya rakyat mengetahui bahawa isu disiasat ja-

watankuasa itu tidak mendapat kerjasama daripada individu berkenaan.

Malah, PAC menuntut Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengambil maklum sekiranya ada bekas pegawai dan Ketua Setiausaha (KSU) yang enggan hadir dalam prosiding jawatankuasa terbabit.

Justeru, beliau mengingatkan semua bekas pegawai dan KSU perlu hadir ke prosiding PAC bagi menjelaskan isu yang timbul semasa mereka menerajui kementerian, jabatan atau agensi kerajaan terbabit.

Hasan berkata, biarpun sudah bersara, mana-mana bekas pegawai kerajaan yang enggan beri kerjasama kepada PAC boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Parlimen, termasuk menjejaskan pencen diterima mereka.

“Tindakan mendedahkan nama mereka yang enggan hadir atau beri kerjasama dalam prosiding PAC ini adalah tindakan yang baik.

“Saya berharap PAC akan mengambil tindakan lebih tegas, bukan sekadar mendedahkan nama individu terbabit kepada umum,” katanya.



“Saya menyokong mereka yang enggan hadir prosiding PAC didedahkan nama mereka kepada umum supaya ia menjadi pengajaran kepada orang lain untuk tidak ambil ringan hal ini”

Hasan Arifin,
Bekas Pengerusi PAC



18 OGOS 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 5

BH Jumaat, 18 Ogos 2023

Nasional

'Enggan hadir prosiding PAC suatu kesalahan'

Pegawai kerajaan tak beri kerjasama menyalahi Seksyen 9 Akta Majlis Parlimen 1952

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Kegagalan mana-mana pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat atau bersara menghadiri prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 9 Akta Majlis Parlimen 1952 kerana menghina Majlis Parlimen.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata individu terbabit tertakluk kepada undang-undang, termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keterangan 1950 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

"Setiap anggota perkhidmatan awam dipanggil untuk ke prosiding PAC adalah bagi maksud memberi keterangan, penjelasan

atau apa-apa maklumat diperlukan bagi prosiding berkenaan. Justeru, pegawai perkhidmatan awam sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama kepada mana-mana pihak bagi maksud ini.

"Ia juga selaras dengan Peraturan 77(5) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC sememangnya mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana individu untuk hadir di hadapannya atau meminta individu itu untuk mengemukakan apa-apa surat, rekod atau penyataan, semalam.

Kelmarin, Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin,

Individu terbabit tertakluk kepada undang-undang, termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keterangan 1950 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara

PAC dedah nama bekas KSU tidak mahu kerjasama

BERITA HARIAN

Keratan
akhbar BH
semalam.

berkata jawatankuasa itu akan menyiarkan kepada umum nama saksi yang enggan hadir dalam prosidingnya supaya rakyat mengetahui bahawa isu disiasat jawatankuasa itu tidak mendapat kerjasama daripada individu berkenaan.

Wujud garis panduan

Malah, PAC menuntut Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengambil maklum sekiranya terdapat bekas pegawai dan Ketua Setiausaha (KSU) yang enggan hadir dalam prosiding jawatankuasa terbabit.

Mohd Zuki berkata, pihaknya akan mengambil maklum cadangan daripada Pengerusi PAC supaya satu mekanisme diwujudkan bagi memastikan semua pegawai dan bekas pegawai kerajaan termasuk Ketua Setiausaha (KSU) kementerian mematuhi arahan jawatankuasa berkenaan.

"Selanjutnya, bagi pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat, suatu garis panduan bertajuk 'Memberi Keterangan Kepada Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat: Garis Panduan Untuk Pegawai Awam' sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 21 Mac 2023.

"Ia untuk memberi penjelasan dan panduan dalam memberi keterangan di hadapan mana-mana jawatankuasa pilihan dalam Dewan Rakyat, termasuk PAC," katanya.



19 OGOS 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 2

2

Nasional

Sabtu, 19 Ogos 2023 **BH**

PAC sedia guna Akta 347 kepada individu gagal hadir prosiding

Tindakan bagi pastikan kredibiliti jawatankuasa Parlimen terus terpelihara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan menggunakan kuasa diperuntukkan mengikut seksyen 9(a) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1962 (Akta 347) terhadap mana-mana pihak yang gagal memberi kerjasama, termasuk hadir prosiding PAC. Pengerusinya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata tinda-

kan berkenaan boleh diambil bagi memastikan kredibiliti jawatankuasa Parlimen ini terus terpelihara.

"PAC sebenarnya tidak mahu menggunakan kuasa di bawah seksyen 9(a), Akta 347 kerana ia akan memberi kesan negatif kepada individu terbabit.

"Ini termasuk kemungkinan ditangkap sekiranya tidak menjelaskan denda," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mas Ermieyati berkata, PAC tidak pernah mempunyai masalah dengan ketidakhadiran bekas pegawai tinggi kerajaan sebelum ini.

Sebagai contoh, katanya, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah hadir pada prosiding PAC 2018, manakala bekas Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tan Sri Dr Abdul Aziz Jaafar, hadir pada 2021.

"Kedua-duanya tetap hadir walaupun sudah bersara dan memberi kerjasama baik dalam prosiding PAC.

"Malah, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut hadir di hadapan PAC pada 2018 untuk memberi penjelasan kepada jawatankuasa ini, selain

bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang pernah hadir memberi penjelasan pada 2021," katanya.

Sentiasa bersedia

Katanya, pihaknya juga menyambut baik kenyataan Ketua

Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, kelmarin bahawa semua pegawai kerajaan dan bekas pegawai kerajaan perlu sentiasa bersedia memberi kerjasama kepada PAC.

"Kenyataan saya sebelum ini adalah peringatan kepada semua saksi PAC, terutama bekas pegawai tinggi kerajaan supaya sentiasa bersedia hadir ke PAC apabila dipanggil.

"Ini memandangkan beberapa prosiding PAC sebelum ini seperti Prosiding Pengurusan Wakaf COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan Personal Protective Equipment (PPE) serta Prosiding Menteri Kewangan (Diperbadankan) - FELCRA Berhad membatalkan bekas ketua setiausaha, bekas pengerusi dan bekas ahli lembaga pengarah jika diperlukan," katanya.

PAC sebenarnya tidak mahu menggunakan kuasa di bawah seksyen 9(a), Akta 347 kerana ia akan memberi kesan negatif kepada individu terbabit. Ini termasuk kemungkinan ditangkap sekiranya tidak menjelaskan denda

Mas Ermieyati Samsudin,
Pengerusi PAC



21 OGOS 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 18

18

Nasional

Isnin, 21 Ogos 2023 BH

Fasa 1 Pan Borneo Sabah dijangka siap Januari 2025

Tiga daripada 15 pakej projek boleh digunakan

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Papar: Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah memabitkan 15 pakej kerja kini berada pada tahap 82 peratus pembinaan dan dijadual siap sepenuhnya pada Januari 2025.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata

tiga daripada pakej berkenaan sudah siap sepenuhnya dan boleh digunakan.

"Sebanyak 19 pakej Fasa 1B belum bermula dan dijangka ditender pada suku keempat tahun ini selepas Makmal Pengurusan Nilai dimuktamadkan," katanya selepas lawatan tapak LPB Sabah bagi Pakej Kerja 4 Menaik Taraf Jalan Bongawan-Papar di sini, semalam.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Timbalan Ketua Menteri Sabah III, Datuk Shahelmey Yahya, yang juga Menteri Kerja Raya Sabah.

Projek LPB Sabah yang dimu-

lakan pada Julai 2016, memabitkan 35 pakej kerja sepanjang 706 kilometer, bermula dari sempadan Sabah dan Sarawak di Sindumin hingga Tawau.

Alexander berkata, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan pembangunan RM6.503 bilion kepada Sabah bagi membina jambatan cerun dan sebagainya.

"Sejumlah RM2.23 bilion daripada peruntukan ini untuk LPB Sabah dan kerajaan Persekutuan bersetuju menambah peruntukan untuk menyelesaikan isu jalan raya di Sabah," katanya.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, dijadual memulakan Jelajah Kembara Borneo yang bermula di Sabah, bulan depan.

Bincang persediaan program
Alexander berkata, baginda akan memantau persediaan dan prestasi berkaitan pembinaan LPB Sabah Fasa 1A, penyenggaraan projek dan Jalan Persekutuan, semalam.

"Kami ke Sabah ini untuk membincangkan perkara berkaitan persediaan program bulan depan ini iaitu Yang di-Pertuan Agong akan bermula (Jelajah Kembara Borneo) dari Tawau melalui sepanjang jalan LPB Sa-

bah hingga ke Teluk Melanau di Kuching, Sarawak selama beberapa hari.

"Perlu banyak tinjauan kerja untuk menjamin keselamatan dan keselesaan sehingga LPB ini siap. Saya difahamkan kerja-kerja yang perlu dilakukan ini sedang dibuat," katanya.

Alexander menjelaskan, tujuan utama baginda adalah merasa sendiri pengalaman melalui jalan LPB di Sabah dan Sarawak.

"Baginda maklum projek ini belum siap. Di Sarawak, boleh dikatakan LPB siap 97 peratus, cuma di Sabah a bermula lewat sedikit pada 2016, sementara Sarawak bermula 2015," katanya.



Alexander (kiri) melakukan lawatan ke Lebuhraya Pan Borneo Sabah pakej kerja 4, naik taraf jalan dari Bongawan ke Papar, semalam. (Foto BERNAMA)

22 OGOS 2023 | SELASA | MUKA
SURAT: 16

Pegawai tadbir, isteri ditahan salah guna kuasa

Kuala Terengganu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang penolong pegawai tadbir kanan dan isterinya bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa.

Menurut sumber, suspek yang bertugas di sebuah jabatan kerajaan negeri Terengganu disyaki menyalahgunakan jawatan dengan memberi kira-kira 70 perolehan pembaikan kenderaan bernilai hampir RM130,000 kepada syarikat milik isterinya.

Katanya, suspek juga dikatakan turut mengesyorkan kerja pembaikan kenderaan jabatan berkenaan kepada bengkel yang dimiliki sebuah koperasi yang mana suspek adalah ahli lembaga koperasi dan merangkap setiausaha jawatankuasa perdagangan di koperasi berkenaan.

Katanya, kes berkenaan dipercayai berlaku sejak 2021 hingga tahun lalu dan dua suspek yang berusia 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu kira-kira jam 11 pagi semalam.

“Suspek dijangka akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu esok (hari ini) bagi proses permohonan reman,” katanya.